

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsi

### Bahagian 5

#### Sambungan Ringkasan Perjalanan Hidupnya

Selepas tamatnya perdebatan itu, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah meneruskan kegiatan beliau di dalam mengajar dan berdakwah.

Telah bercerita asy-Syaikh ‘Abdul Mālik ibn ‘Abdul Qādir al-Lībī tentang usaha dakwah al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs di Ṣabyā:

Di Ṣabyā, telah datang kumpulan-kumpulan manusia yang ramai untuk menemui beliau. Dan beliau raḍiyallāhu ‘anhū, telah berdakwah kepada mereka dan telah membimbing mereka agar dapat memperbaiki keadaan dan kembali ke jalan Allāh Ta‘ālā . Kebanyakan penduduk-penduduk di Ṣabyā adalah orang-orang yang sangat jahil, dan mereka telah banyak meninggalkan suruhan-suruhan agama serta syarak. Tiadalah tinggal bagi mereka sesuatu daripada Islam, melainkan pada nama sahaja.

Dari negara Yemen, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah mengutus beberapa orang daripada murid-muridnya ke beberapa negara Islam lain untuk memperkembangkan aktiviti aṭ-Ṭarīqah al-Muḥammadiyah al-Aḥmadiyah al-Idrīsiyyah, dan juga untuk memperkenalkan buah-buah fikirannya mengenai pembaharuan dan pengukuhan di dalam Islam. Perkara ini, sebenarnya, telah pun dimulakan oleh al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs ketika dia masih berada di Makkah al-Mukarramah lagi.

Telah diceritakan pula di dalam kitab **Kanz as-Sa‘ādah war-Rasyād** mengenai aktiviti-aktiviti al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs itu:

Apabila dia telah yakin yang ajaran-ajarannya telah dapat dihayati dengan sepenuhnya oleh para sahabatnya (yakni murid-muridnya), dia telah menghantar mereka sebagai pendakwah-pendakwah ke beberapa negara lain. Mereka telah bertugas sebagai para pendamai yang membawa keamanan, dan juga telah berusaha untuk menyatukan seluruh umat dan menguatkan kembali agama Islam.

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

Dia (yakni al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs) telah mencapai kejayaan yang besar di dalam usaha dakwah ke beberapa negara Islam itu. Dia telah memilih orang yang khas (yakni yang paling sesuai) untuk sesuatu daerah, agar lebih berkesan dan berjaya. Pilihan yang bijaksana ini telah menyebabkan kerja dakwahnya itu mencapai kejayaan yang gemilang, sehingga tidak terdapat satu negeri pun yang tidak ada seorang wakilnya ataupun seorang muridnya.

Dia tidak hanya setakat mengajarkan *al-aurād* dan *al-adhkār* serta menyuruh manusia pergi berkhawat dan mengasingkan diri mereka daripada masyarakat. Amalan-amalan ini mungkin bermanfaat untuk perkembangan peribadi si murid, tetapi ia belum mencukupi untuk matlamatnya (yakni matlamat al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs) yang lebih tinggi, yakni penyatuan semua muslimin di dalam ikatan agama Islam.

Dia telah merasa kecewa apabila mendapati yang mereka telah saling berselisih pendapat, tidak lagi bersepakat, tetapi telah menjadi berpecah-belah. Dan urusan-urusan mereka sesama sendiri pula telah menjadi kelam-kabut, tidak lagi teratur.

Allāh telah mengutuskannya sebagai seorang mujaddid bagi agama yang lurus ini, sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh al-Imām Abū Dāwūd di dalam kitab Sunan-nya, dan juga telah diriwayatkan oleh al-Imām Aḥmad di dalam kitab Musnad-nya, “Allāh akan mengutuskan kepada umat ini pada awal setiap kurun, seorang mujaddid yang akan menguatkan kembali agama ini.”

Dialah yang merupakan mujaddid untuk agama ini dan telah menyalakan semangat tajdīd di dalam kalbu-kalbu para sahabatnya . . .

Telah menulis pula seorang pengkaji dari Barat bernama Professor John O. Voll di dalam tesis kedoktorannya (Harvard University 1969):

The achievement of Aḥmad ibn Idrīs was not the establishment of a single mass movement for revitalizing Islam. What he did accomplish was to lay the foundations for an important revivalist tradition in Islam. The Idrīsī tradition gave birth to leaders of holy wars, men who established religious states, and a number of important centralized tariqahs. It was an important feature of the Islamic world in the nineteenth and early twentieth centuries. Its success was such that observers at the end of the nineteenth

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

century felt that it was the source of much of the Islamic dynamism of the time . . .

Al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs juga telah berusaha untuk mengikis beberapa bidaah dan penyelewengan yang terdapat di dalam beberapa amalan dan juga beberapa kepercayaan sesetengah golongan pengamal tarekat. Dia juga telah menekankan betapa pentingnya bagi si murid untuk mempelajari terlebih dahulu ilmu-ilmu syariat dan ilmu al-Quran, sebelum si murid menjejakan kakinya ke dalam mana-mana tarekat.

Malah, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs pernah berkata, “Tarekatku ialah al-Kitāb dan as-Sunnah,” yakni sebagai satu tanda yang kedua-dua perkara ini sangat penting bagi tarekatnya.

Al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs juga tidak bersetuju dengan para pengamal tarekat lain yang suka memencilkan diri, yakni mereka yang hanya mementingkan perkembangan rohani diri sendiri, dan tidak pula merasa prihatin terhadap masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh masyarakat Islam. Al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs sendiri adalah seorang guru sufi yang telah mengambil berat tentang kebajikan orang-orang Islam lain.

Sebagai satu contoh, beliau pernah memberikan perintah agar dibina satu asrama khas untuk kegunaan orang-orang Islam dari benua Afrika di pelabuhan Jeddah. Beliau telah meletakkan seorang lelaki yang berasal dari Wadai (terletak di timur negara Chad) bernama Ḥalamah, sebagai pengurus di situ. Dan apabila Ḥalamah meninggal dunia, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah melantik pula seorang lelaki lain yang bernama ‘Abdullāh untuk menggantikan kedudukan Ḥalamah itu.

Dan sebagai contoh yang kedua, ketika beliau tinggal di Zabīd, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs juga pernah pergi ke Waṣāb (di kawasan pergunungan), lebih kurang 30 kilometer jauhnya dari Zabīd. Dia telah pergi ke sana sebagai orang tengah, bagi menyelesaikan satu masalah di antara dua buah kumpulan yang

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

bertelagah. Ini menunjukkan bahawa al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah merasa prihatin terhadap masalah orang ramai, dan sanggup membuat satu perjalanan yang payah dan memenatkan di satu kawasan pergunungan, walaupun di waktu itu, umurnya sudah pun tua yakni melebihi lapan puluh tahun.

Al-Ustādh al-A‘zam, al-Ghauth al-Lāmi‘, al-Fard al-Jāmi‘, al-Quṭb ar-Rabbānī, al-‘Ārif an-Nūrānī, Quṭb Dā’irah at-Taqdīs, Maulānā wa Saiyidunā al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah meninggal dunia di kota Ṣabyā pada malam Sabtu 21 haribulan Rejab, tahun 1253 Hijrah.

Menurut as-Saiyid Muḥammad ibn as-Saiyid ‘Alī ibn as-Saiyid Muḥammad ibn al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs (cicit kepada asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs ini lebih dikenali sebagai asy-Syaikh Muḥammad al-Idrīsī al-Yamanī) di dalam kitab **Risālah al-Aurād al-Idrīsīyah**, mayat asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs telah dimandikan oleh seorang murid beliau yang bernama asy-Syaikh Aḥmad ‘Uthmān al-‘Aqīlī dan solat jenazah beliau pula telah diimamkan oleh asy-Syaikh Yaḥyā ibn Muḥsin an-Nu‘mī, salah seorang ‘ālim yang telah turut membela beliau di dalam perdebatan di kota Ṣabyā.

الآيَاتِ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ  
الَّذِينَ ءَامَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ ﴿٦٣﴾  
لَهُمُ الْبُشْرَىٰ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ لَا يَبْدِيلُ  
لِكَلِمَاتِ اللَّهِ ذَٰلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٦٤﴾

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

### Ketinggian maqam al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs

Di dalam kitab **Ṭabaqāt asy-Syādhiliyyah al-Kubrā** (yang dikenali juga sebagai **Jāmi‘ al-Karāmāt al-‘Aliyyah Fī Ṭabaqāt as-Sādah asy-Syādhiliyyah**), asy-Syaikh Abū ‘Alī al-Ḥasan ibn Muḥammad ibn Qāsim al-Kūhin al-Fāsī al-Maghribī telah mengatakan bahawa maqam kerohanian al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs tidak dapat dikongsi oleh sesiapa pun di masa itu (yakni menduduki maqam yang tertinggi di antara seluruh wali-wali Allāh) dan juga tiada sesiapa pun yang dapat mengungguli ilmu-ilmunya di waktu itu.

Al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs juga telah dikenali sebagai al-Ustādh al-A‘zam yakni guru yang teragung di masa itu. Beliau juga telah dianggap sebagai al-Ghauth al-Lāmi‘ (yang gemerlapan) dan al-Fard al-Jāmi‘ (yang mengumpulkan, yakni setiap kesempurnaan maqam kerohanian terkumpul di dalam dirinya).

Asy-Syaikh Muḥyiddīn aṭ-Ṭu‘mī pula di dalam kitabnya yang juga berjudul **Ṭabaqāt asy-Syādhiliyyah al-Kubrā**, telah mengatakan bahawa al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs adalah Imām al-Wujūd Fī Waqtih (yang menjadi ikutan seluruh manusia yang wujud pada waktunya) dan juga adalah Sulṭān al-‘Ālam (sultan bagi wali-wali Allāh di seluruh alam).

Telah bercerita pula asy-Syaikh Abū ‘Abdullāh Muḥammad ibn ‘Alī as-Sanūsī:

Syaikh kami Abū al-‘Abbās al-‘Arā’isyī (yakni al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs), memiliki kedudukan yang sebegitu kukuh sehingga tiada sesiapa pun yang dapat mencapai keadaannya (yakni hubungan rohaninya) dengan Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam . . .

Asy-Syaikh Muḥammad ‘Uthmān al-Mīrghanī pula telah menyifatkan al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs sebagai sebuah pintu Allāh yang terbesar, yang terletak di antara kenabian dan

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

kewalian. Dan pada pendapatnya, dia tidak melihat sesiapa pun pada waktu itu, yang telah mencapai tingkatan al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs di dalam ilmu zahir. Malah di dalam bidang tafsir al-Quran dan hadis, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah mencapai martabat yang tidak pernah dicapai oleh sesiapa pun dari kalangan wali-wali Allāh dan al-‘ulamā’, yang dahulu mahupun yang ada di masa itu.

Dan di dalam ilmu fiqh pula, asy-Syaikh Muḥammad ‘Uthmān al-Mīrghanī telah berpendapat bahawa al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah mencapai kebenaran dan keyakinan yang mengumpulkan mazhab-mazhab yang empat itu. Asy-Syaikh Muḥammad ‘Uthmān al-Mīrghanī juga telah berpendapat bahawa al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah benar-benar mengikuti jejak Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam dengan pentahkikan yang sempurna.

Di dalam sepucuk surat kepada al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs, asy-Syaikh Muḥammad ‘Uthmān al-Mīrghanī telah menulis, di antara lain, beberapa pujian:

*Bismillāhir raḥmānir raḥīm.* Dengan Nyalah bantuan itu, pada awal dan akhir.

Semoga Allāh mencurahkan selawat ke atas penghulu kita Muḥammad, pada zat, sifat dan namanya.

Daripada si anak kepada bapanya. Daripada si hamba kepada tuannya. Daripada si pencari bantuan kepada si pemberi bantuan. Daripada anak sungai kepada lautannya. Daripada Muḥammad ‘Uthmān kepada khalifah bagi ar-Raḥmān, pusat bagi bulatan ahli-ahli al-‘irfān, Quṭb putaran penjagaan kewalian, galian rahsia-rahsia dan pemeliharaan, yang mana tanpa bantuannya yang mulia kepada ahli-ahli rahsia kita, tiadalah akan terzahir kelebihan orang-orang yang besar pada waktu kita, eliksir Allāh pada waktu al-iḥsān, belerang merah bagi ahli-ahli kefahaman, yang duduk di atas permaidani kedekatan (al-qurb) pada kehadiran Zat, yang merasakan musyāhadah aṣ-ṣifāt, sultan bagi perkumpulan wali-wali, sulaman dīwān ketuhanan, menteri puncak kesempurnaan al-muḥammadiyah, si penutur dengan lidah kebenaran bagi sesiapa yang mendengar dari kalangan ahli-ahli pendengar, tempat penzahiran rahsia tangan dan hati dan penglihatan, yang memiliki

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

ketinggian, petunjuk Allāh yang terbesar untuk orang-orang terdahulu dan terkemudian, nikmat Allāh yang teragung bagi para pemilik tingkat-tingkat keteguhan, cermin hakikat al-aḥmadiyyah, pemilik anjung kesempurnaan al-muḥammadiyyah, yang telah diperteguhkan pada kedudukan penyaksian dan kesucian, rahsia yang mulia bagi roh diriku, penaungku Aḥmad ibn Idrīs . . .

Seorang wali Allāh lain yang bernama asy-Syaikh Muḥammad al-Majdhūb pula pernah menulis surat kepada al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs. Di antara kandungan surat itu ialah:

Kepada as-Saiyid yang paling mulia, yang memiliki pangkat dan kedudukan yang tinggi, yang memiliki kecerdasan dan pemikiran yang terang benderang. Biarlah aku memulakan surat ini di hadapan ḥaḍrah yang tinggi:

Aku katakan dengan kecintaan yang ikhlas, yang memenuhi lautan. Aku mencintai imamku yang ‘ālim, yang unggul, yang terkemuka. Saudaraku dan sahabatku, bahkan imamku dan penghuluku. Dan dia yang kehadirannya yang gemilang itu telah menyebabkan kalbu menjadi terpegun. Yang aku maksudkan ialah si pemilik kadar yang agung, si pemilik nilai yang paling tinggi, Aḥmad. Dia yang mula-mula memberi petunjuk, wajiblah kepadanya aku berterimakasih. Semoga dia berkekalan menjadi Ka’bah bagi para penuntut. Kepadanyalah kerinduan pencari-pencari aflatun, di darat dan di laut . . .

Telah diceritakan pula di dalam sebuah riwayat yang lain:

Pada suatu hari, ada beberapa orang manusia telah bertanya tentang kelebihan as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs (yakni tentang keluasan ilmunya).

Maka telah berkata asy-Syaikh Muḥammad al-Majdhūb kepada mereka, “Beliau adalah seorang lelaki yang andaikata berkumpul seluruh jin dan manusia di satu tempat, dan bertanya pula mereka satu masalah setiap seorang, dan masalah-masalah itu adalah berlainan satu daripada yang lain, maka dia akan dapat menjawab setiap masalah itu dengan jawapan yang dikehendaki, dan dengan kata-kata yang dapat difahami oleh setiap seorang [daripada si penanya-penanya itu].”

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

Sebenarnya, bakal ketinggian maqam kerohanian al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs memang sudah diketahui oleh guru-gurunya dari awal lagi.

Menurut asy-Syaikh Abū ‘Alī al-Ḥasan ibn Muḥammad ibn Qāsim al-Kūhin al-Fāsī al-Maghribī di dalam kitabnya yang berjudul **Ṭabaqāt asy-Syādhiliyyah al-Kubrā**, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs juga pernah berguru dengan Mawlāy al-‘Arabī ad-Darqāwī di kota Fez.

Telah diceritakan di dalam sebuah riwayat:

Pada suatu hari as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah pergi ke majlis Mawlāy al-‘Arabī ad-Darqāwī yang sedang mengajar murid-muridnya.

Tiba-tiba pada suatu ketika, Mawlāy al-‘Arabī ad-Darqāwī telah menunjuk ke arah as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs dan telah berkata, “Lihatlah, ini dia seorang suci tidak seperti orang-orang suci yang lain, seorang Quṭb yang tidak seperti al-Aqṭāb yang lain, seorang Ghauth yang tidak seperti al-Aghwāth yang lain . . .”

Menurut sebuah riwayat lain, rohaniah Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam sendiri yang telah datang memberitahu Mawlāy al-‘Arabī ad-Darqāwī mengenai bakal ketinggian maqam kerohanian al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs itu.

Peristiwa ini adalah satu tanda yang al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah diakui bakal ketinggian maqam kerohaniannya oleh seorang wali Allah lain, yang dia sendiri adalah seorang Quṭb di masa itu.

Mawlāy al-‘Arabī ad-Darqāwī telah melihat di dalam kasyafnya bahawa al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs bakal dikurniakan dengan maqam kerohanian yang sangat tinggi, malah ia melebihi ketinggian maqam Quṭbiyyah dan juga maqam Ghauthiyyah yang telah diberikan kepada dirinya sendiri.



## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

### Peninggalan al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs

Pada hari ini, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs lebih dikenali umum sebagai pengasas bagi aṭ-Ṭarīqah al-Aḥmadiyyah al-Idrīsiyyah.

Pada mulanya, tarekat ini hanya dikenali sebagai aṭ-Ṭarīqah al-Muḥammadiyyah al-Aḥmadiyyah sahaja. Inilah nama yang telah digunakan oleh al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs sendiri. Dikaitkan dengan nama al-Muḥammadiyyah kerana tarekat ini telah kembali kepada mengikuti petunjuk daripada Muḥammad Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam.

Tetapi sesetengah anak-anak murid al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah mengembangkan tarekat ini dengan nama aṭ-Ṭarīqah al-Muḥammadiyyah al-Aḥmadiyyah al-Idrīsiyyah atau sebagai aṭ-Ṭarīqah al-Aḥmadiyyah al-Idrīsiyyah sahaja. Dan ia telah diberikan nama al-Aḥmadiyyah al-Idrīsiyyah, kerana ia dinisbahkan kepada nama al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs sendiri. Ini adalah untuk membezakannya daripada beberapa tarekat lain yang juga telah menggunakan nama aṭ-Ṭarīqah al-Muḥammadiyyah al-Aḥmadiyyah.

Dan apabila ada pula sesetengah anak-anak murid beliau yang mengasaskan tarekatnya sendiri, nama aṭ-Ṭarīqah al-Aḥmadiyyah al-Idrīsiyyah kadangkalanya masih tetap dikekalkan, cuma ditambahkan dengan satu nama lain. Umpamanya, asy-Syaikh Muḥammad ibn ‘Alī as-Sanūsī telah mengasaskan tarekat yang bernama aṭ-Ṭarīqah as-Sanūsiyyah al-Aḥmadiyyah al-Idrīsiyyah. Tetapi pada hari ini, aṭ-Ṭarīqah as-Sanūsiyyah al-Aḥmadiyyah al-Idrīsiyyah lebih dikenali sebagai aṭ-Ṭarīqah as-Sanūsiyyah sahaja.

Bagaimanapun, anak-anak kepada al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs sendiri yakni as-Saiyid Muḥammad al-Quṭb dan as-Saiyid ‘Abdul ‘Āl pula, telah mengembangkan tarekat ini dengan nama aṭ-Ṭarīqah al-Idrīsiyyah, di mana nama nisbah al-Idrīsiyyah itu bukanlah dinisbahkan kepada bapa kepada al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs, tetapi adalah bernisbahkan kepada seorang

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

moyang mereka yang lebih awal lagi dan yang lebih terkenal, yakni Idrīs II (Idrīs al-Aṣghar, juga dikenali sebagai Idrīs al-Azhar) ibn Idrīs I (Idrīs al-Akbar) ibn ‘Abdullāh al-Kāmil al-Maḥḍ ibn al-Ḥasan al-Muthannā ibn al-Ḥasan as-Sibṭ ibn ‘Alī ibn Abū Ṭālib.

Di negara Malaysia pula, dan juga di beberapa negara lain di Asia Tenggara, tarekat ini lebih sering dikenali dengan nama aṭ-Ṭarīqah al-Aḥmadiyyah sahaja. Di dunia Arab pula (terutama sekali di Hulu Mesir dan di Sudan), tarekat ini lebih dikenali umum dengan panggilan aṭ-Ṭarīqah al-Idrīsiyyah, kerana wujud satu lagi tarekat yang telah lebih dahulu menggunakan nama aṭ-Ṭarīqah al-Aḥmadiyyah, yakni tarekat yang telah dinisbahkan kepada asy-Syaikh Aḥmad al-Badawī (meninggal dunia pada tahun 675 Hijrah di kota Ṭanṭā di negara Mesir).

Dan oleh kerana al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs adalah seorang wali Allāh yang sangat tinggi maqamnya, maka beberapa orang daripada bekas murid-muridnya juga telah menjadi wali-wali Allāh yang besar. Dan ada juga di antara mereka yang telah mengasaskan tarekat-tarekat mereka sendiri. Di antara tarekat-tarekat yang bercabang dari aṭ-Ṭarīqah al-Muḥammadiyyah al-Aḥmadiyyah al-Idrīsiyyah (di dalam erti kata pengasas tarekat-tarekat itu telah turut memasukkan wirid-wirid yang telah diajarkan oleh al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs ke dalam amalan-amalan tarekat-tarekat baru itu) ialah aṭ-Ṭarīqah as-Sanūsiyyah, aṭ-Ṭarīqah ad-Dandarāwiyyah, aṭ-Ṭarīqah ar-Rasyīdiyyah, aṭ-Ṭarīqah aṣ-Sālihiyyah, aṭ-Ṭarīqah al-Madaniyyah, aṭ-Ṭarīqah al-Ja‘fariyyah, aṭ-Ṭarīqah al-Majdhūbiyyah, aṭ-Ṭarīqah al-Khatmiyyah dan aṭ-Ṭarīqah al-Mirghaniyyah.

Aṭ-Ṭarīqah al-Muḥammadiyyah al-Aḥmadiyyah al-Idrīsiyyah dan cabang-cabangnya mempunyai jumlah pengikut yang sangat ramai di seluruh dunia, dan kebanyakan daripada mereka berada di Asia Tenggara, India, Yemen, al-Hijāz, Mesir, Syria, Sudan, Ethiopia, Somalia, Libya, dan Moroko.

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

Dan sebagai seorang ilmuwan yang terkenal dengan keluasan dan ketinggian ilmunya, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs juga telah menghasilkan beberapa karangan.

Mengikut seorang keturunan al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs yang bernama as-Saiyid Aḥmad ibn as-Saiyid Muṣṭafā ibn as-Saiyid ‘Abdul ‘Āl ibn asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs, tulisan-tulisan moyangnya itu adalah banyak jumlahnya. Walau bagaimanapun, kebanyakannya adalah di dalam bentuk risalah. Isi tulisan-tulisan itu pula adalah berkisarkan tafsir al-Quran, ilmu hadis, ilmu fiqh dan ilmu tasawuf.

Kami senaraikan di sini sebahagian daripada tulisan-tulisan itu, yakni sama ada yang telah ditulis oleh al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs sendiri, ataupun yang telah diimlakkan (dictated) oleh beliau kepada anak-anak murid beliau, ataupun tulisan-tulisan daripada generasi terkemudian yang telah mengumpulkan ajaran-ajaran beliau di dalam tulisan-tulisan mereka.

## Tulisan-Tulisan Jenis Am

(1) Al-‘Iqd an-Nafīs fi Nazm Jawāhir at-Tadrīs. Penyusun kitab ini telah merakamkan beberapa soalan yang telah diajukan kepada al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs di dalam sesi-sesi soal-jawab, dan jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh beliau. Kebanyakan daripada soalan-soalan itu adalah mengenai tafsir ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam.

Menurut Dr ‘Alī Ṣāliḥ Karrār di dalam bukunya yang berjudul aṭ-Ṭarīqah al-Idrīsīyah Fis-Sūdān, kitab al-‘Iqd an-Nafīs fi Nazm Jawāhir at-Tadrīs telah dikumpulkan kandungannya oleh asy-Syaikh ‘Abdullāh Abū al-Ma‘ālī, seorang anak murid kepada al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs di Makkah al-Mukarramah dan juga di Yemen. Asy-Syaikh ‘Abdullāh Abū al-Ma‘ālī juga telah menulis sebuah risalah yang berjudul Risālah Fī Faḍl al-Aurād yang telah diimlakkan (dictated) oleh al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs.

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

Kandungan dari kitab al-‘Iqd an-Nafīs fi Nazm Jawāhir at-Tadrīs telah dijadikan sebuah buku beberapa tahun kemudian oleh asy-Syaikh Ismā‘īl an-Nawwāb, yang merupakan seorang anak murid kepada asy-Syaikh Ibrāhīm ar-Rasyīd.

Kita lihat kepada satu petikan dari kitab al-‘Iqd an-Nafīs fi Nazm Jawāhir at-Tadrīs:

Telah ditanyakan kepada beliau, semoga Allāh meredainya, mengenai ahli kalam. Maka beliau telah berkata:

Mereka adalah satu kaum yang beriman kepada Allāh berdasarkan apa yang mereka fahami. Sedangkan ahlullāh itu adalah satu kaum yang beriman kepada Allāh berdasarkan apa yang telah diajarkan olehNya kepada mereka mengenai diriNya. Dan di antara dua kumpulan ini ada satu perbezaan [yang besar]. Kerana, sesiapa yang beriman kepada Allāh seperti yang Dia ajarkan mereka mengenai diriNya, akan meletakkan akal itu di belakang keimanannya. Maka dia akan beriman, sama ada diterima oleh akalnya ataupun tidak. Dan sesiapa yang beriman dengan keimanan cara ini, akan dikenalkan oleh Allāh apa yang tidak dia kenali melalui kata-kataNya, bukan melalui akalnya.

Dan adapun orang yang beriman hanya dengan apa yang dia fahami sahaja, dia akan berhenti pada huruf-huruf. Itulah sebabnya mereka telah mencipta ilmu kalam, yang tiada petunjuk baginya dari al-Quran ataupun as-Sunnah, dan tiada seorang sahabat (yakni sahabat Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam) pun yang telah mengikuti jalan ini. Maka mereka telah mengarang karangan yang telah menceritakan tentang sifat-sifat Allāh Ta‘ālā, yang Maha Suci Dia daripadanya.

Bahkan ia adalah sesuatu yang tidak dilakukan oleh Allāh Ta‘ālā sendiri, sebagaimana firmanNya (Sūrah aṣ-Ṣaffāt ayat ke-180 yang bermafhum), “Maha Suci Tuhanmu, Tuhan yang memiliki kemuliaan, daripada apa yang mereka sifatkan.”

Dan mereka telah menyifatkan Allāh dengan sesuatu yang Dia tidak menyifatkan diriNya sendiri dengannya. Dan ini adalah sebesar-sebesar kebinasaan dan bahaya. Mereka telah menyangka yang diri mereka adalah tukang-tukang yang mahir [di dalam seni pertukangannya], dan apa yang mereka lakukan [kononnya] adalah satu ilmu dan sesiapa yang menjadi orang-orang yang berilmu dengannya adalah termasuk ke dalam [maksud hadis riwayat al-Imām al-Bukhārī], “Orang-orang yang berilmu itu (al-‘ulamā’) adalah para pewaris nabi-nabi.”

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

Maka mereka [sebenarnya] berada di dalam bahaya yang lebih besar daripada orang-orang yang berbuat maksiat tetapi mengetahui dan mengakui akan kemaksiatan itu.

Kita lihat kepada satu lagi petikan dari kitab al-‘Iqd an-Nafīs fi Naẓm Jawāhir at-Tadrīs:

Telah ditanyakan kepada beliau, semoga Allāh meredainya, mengenai Yang Maha Benar Yang Maha Tinggi (al-Ḥaqq Ta‘ālā yakni Allāh), adakah Dia boleh dilihat?

Maka beliau telah berkata:

Ya, dengan tanpa kaifiat (cara yang khusus atau tertentu) dan memenuhi setiap sesuatu dari pancaindera ketika melihatNya. Adalah melihatNya dengan penglihatan yang menyeluruh (yang meliputi semua anggota dan pancaindera), dan adalah mendengarNya dengan pendengaran yang menyeluruh (yang meliputi semua anggota dan pancaindera), dan bukanlah dengan satu anggota sahaja.

Dan kerana itulah telah berkata Ibn al-Fāriḍ (seorang wali Allāh yang dianggap sebagai penyair Sufi berbangsa Arab yang terbesar dan telah menjadi terkenal dengan puisi-puisinya mengenai Kecintaan dan Kerinduan kepada Allāh):

Apabila ternampak akan Lailā, maka seluruh diriku adalah mata  
Dan jika berkata-kata dia kepadaku, maka seluruh diriku adalah  
telinga. (1)

Kita lihat kepada satu lagi petikan dari kitab al-‘Iqd an-Nafīs fi Naẓm Jawāhir at-Tadrīs:

Maka baginda ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam adalah hakikat segala kejadian makhluk (al-kaun) seperti [keadaan] sebatang pohon yang mempunyai beberapa daun, dahan, ranting, getah, akar, bunga dan buah. Dan hakikat seluruhnya [perkara-perkara itu] adalah pohon itu sendiri.

(2) Munāzarah Aḥmad ibn Idrīs Ma‘a Fuqahā’ ‘Asīr. Risalah ini telah ditulis oleh asy-Syaikh al-Ḥasan ibn Aḥmad ‘Ākisy. Ia menceritakan tentang perdebatan yang telah diadakan di kota

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

Ṣabyā pada bulan Jamadilakhir tahun 1248 Hijrah di antara al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs dengan golongan al-fuqahā' dari 'Asīr, yang bersikap pro-Wahhābī itu.

(3) Koleksi surat-surat. Al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs juga telah menulis surat-surat yang banyak kepada murid-muridnya, dan terkandung di dalam surat-surat itu, beberapa buah fikiran dan ajaran beliau. Pada pendapat kami, surat-surat itu juga adalah satu cara yang baik bagi kita untuk mengenali watak dan peribadi beliau.

(4) Kīmiyā' al-Yaqīn. Ini adalah sebuah tulisan kecil yang berkisarkan konsep yang benar di dalam bertawakkal kepada Allāh di dalam hal-hal rezeki.

## Tulisan-Tulisan Mengenai Tasawuf Dan Tarekat

(1) Risālah al-Asās. Risalah ini biasanya diberikan kepada seorang murid yang baru, sebelum dia mengamalkan wirid-wirid yang telah diajarkan oleh al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs. Si murid yang baru itu akan disuruh terlebih dahulu mengamalkan beberapa amalan tertentu, yang telah dibahagikan kepada tugas (wazīfah) di siang hari dan tugas (wazīfah) di malam hari. Selepas melakukan dua tugas ini (al-wazīfatāin), si murid akan menerima isyarat di dalam mimpinya di dalam bentuk berita gembira. Berdasarkan kandungan mimpinya itu, dia akan diajarkan oleh guru mursyidnya zikir-zikir yang bersesuaian.

Walau bagaimanapun, dua tugas (al-wazīfatān) di dalam Risālah al-Asās ini tidaklah diwajibkan ke atas setiap murid yang memasuki aṭ-Ṭarīqah al-Aḥmadiyyah al-Idrīsiyyah. Kebanyakan masyaikh pada hari ini telah melonggarkan kewajipan ini dan telah mengatakan bahawa melakukan dua tugas (al-wazīfatān) di dalam Risālah al-Asās ini hanyalah sesuatu yang lebih utama (afdāl) sahaja, dan bukanlah sesuatu yang wajib dilakukan oleh setiap murid yang baru.

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

(2) Risālah al-Qawā'id. Ini adalah sebuah tulisan kecil. Adapun tentang asal Risālah al-Qawā'id itu ialah pada suatu hari, salah seorang daripada para sahabat beliau (yakni anak-anak murid beliau), telah meminta agar al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs menuliskan untuknya beberapa perkataan yang dapat mendatangkan manfaat baginya di sisi Allāh. Maka beliau pun menuliskan untuknya sebuah tulisan kecil yang berjudul Risālah al-Qawā'id.

Risālah al-Qawā'id biasanya diberikan kepada seorang murid yang baru sahaja memasuki aṭ-Ṭarīqah al-Aḥmadiyyah al-Idrīsiyyah. Tetapi, bagi pendapat kami, prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya adalah berbentuk universal dan seharusnya dihayati oleh setiap orang yang sedang menuruti jejak para sufi yang muḥaqqiqīn, tidak kira dari tarekat yang mana pun.

(3) Kunūz al-Jawāhir an-Nūrāniyyah Fī Qawā'id aṭ-Ṭarīqah asy-Syādhiliyyah. Ini adalah sebuah kitab yang popular, di mana di dalamnya al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah menceritakan tentang kelebihan aṭ-Ṭarīqah asy-Syādhiliyyah dan silsilah beberapa orang guru beliau di dalam ilmu tarekat. Beliau juga telah menyebut tentang beberapa kaedah yang perlu diketahui oleh murid-murid beliau.

Kita lihat kepada satu petikan dari kitab Kunūz al-Jawāhir an-Nūrāniyyah Fī Qawā'id aṭ-Ṭarīqah asy-Syādhiliyyah:

Ketahuilah, sesungguhnya adalah wajib bagi setiap individu untuk mengenali (atau mengetahui) bapanya, agar ia dapat menisbahkan kepadanya, dan tiada pula dia termasuk ke dalam [maksud dari] kata-kata baginda ṣallallāhu 'alaihi wa sallam, "Sesiapa yang bernaung kepada yang bukan penaungnya, dan sesiapa yang memperbangsakan kepada orang yang bukan bapanya, maka ke atasnya laknat daripada Allāh dan para malaikat dan manusia seluruhnya. Dan sesiapa yang tidak mengenali bapanya, maka dia adalah anak pungut."

Bapa itu ada dua [jenis] - bapa jasmani dan bapa rohani, dan dia (yakni bapa rohani) adalah yang lebih utama dan lebih elok dan lebih mulia. Kerana, bapa jasmani itu mendidik jasmani, yang dibangsakan kepada kegelapan, dan sebab bagi kematiannya. Dan bapa rohani pula

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

mendidik rohani [dan rohani itu adalah] berupa cahaya, dan sebab bagi kehidupannya. Dan roh itu adalah lebih utama daripada jasad. Dan tiada sesiapa pun yang berselisihan pendapat pada yang demikian itu.

Dan seorang syaikh itu adalah perantara (wāsiṭah) di antara si sālik dengan Tuhannya. Dan seperti yang pernah dikatakan [oleh sesetengah masyaikh], “Jika tidak kerana pembimbingku, tiadalah aku mengenal Tuhanku. Dan jika tidak kerana perantara, nescaya binasalah aku.”

(4) Risālah Fī Ṣifah Dukhūl al-Khalwah. Di dalam risalah ini, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah menerangkan tentang cara untuk memasuki al-khalwah, syarat-syaratnya dan kewajipan-kewajipan yang perlu dipelihara oleh si murid ketika berada di dalamnya.

(5) Risālah Ṣalāh al-‘Ārifin. Risalah ini memuatkan pendapat-pendapat dan penerangan-penerangan al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs mengenai konsep-konsep tajallī, dhauq dan syuhūd, berdasarkan kupasan beliau di atas beberapa baris puisi kesufian yang telah dinisbahkan kepada asy-Syaikh al-Junaid al-Baghdadi. Ada pula beberapa orang pengkaji yang telah menisbahkan baris-baris puisi kesufian ini kepada asy-Syaikh al-Akbar Muḥyiddīn Ibn al-‘Arabī.

(6) Lawāmi‘ al-Burūq an-Nūrāniyyah Min Kalimāt Syaikh aṭ-Ṭarīqah al-Muḥammadiyyah al-Aḥmadiyyah. Risalah ini telah disunting oleh asy-Syaikh Ṣāliḥ al-Ja‘farī berdasarkan tulisan asy-Syaikh ‘Abdul Karīm ibn Ḥusain al-‘Utumī yang berjudul Risālah adh-Dhikr. Asy-Syaikh ‘Abdul Karīm ibn Ḥusain al-‘Utumī telah bertemu dengan al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs di Waṣāb, ketika al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs mengunjungi Waṣāb sebelum beliau menetap di Ṣabyā.

## Tulisan-Tulisan Mengenai Ilmu Fiqh

(1) An-Nafaḥāt al-Kubrā. Kebanyakan daripada kandungan kitab ini telah ditulis pada asalnya oleh seorang anak murid kepada



## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs yang bernama asy-Syaikh Muḥammad ibn ‘Alī as-Sanūsī. Ia kemudiannya telah disalin semula oleh as-Saiyid Muḥammad ibn as-Saiyid ‘Alī ibn as-Saiyid Muḥammad ibn al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs.

Di antara kandungan kitab ini ialah mengenai cara mengambil air sembahyang yang betul yakni berdasarkan cara mengambil air sembahyang yang telah dipelajari oleh Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam daripada Jibrīl alaihissalām. Ia juga menceritakan kaedah yang betul untuk mendirikan solat sebagaimana yang telah dilakukan oleh Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam, dan termasuk juga keadaan baginda di dalamnya yakni tentang penyaksian baginda kepada Kebesaran, Keindahan dan Kesempurnaan Allāh di dalam solat baginda.

Kitab ini juga menceritakan tentang kaedah-kaedah untuk melakukan beberapa jenis solat sunat yang tertentu.

(2) Risālah ar-Radd ‘Alā Ahl ar-Ra’y Biṣ-ṣawāb Limuwāfaqah As-Sunnah Wal-Kitāb. Di dalam risalah ini, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah mengingatkan kepada kita tentang betapa pentingnya bagi kita untuk sentiasa mengikuti asas agama Islam, yakni mengikuti al-Kitāb dan as-Sunnah. Walaupun kita dibenarkan untuk mengikuti salah satu daripada empat mazhab di dalam ilmu fiqh, tetapi kita telah diperingatkan oleh al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs agar tidak terjatuh ke dalam fanatisisme di dalam hal bermazhab (ta‘aṣṣub al-madhāhib, yakni merasa terlalu fanatik dengan mazhab yang dipegangnya). Para imam yang telah mengasaskan mazhab itu bukanlah dari kalangan para nabi, yakni mereka tidak terpelihara (ma‘ṣūm) daripada membuat dosa atau kesilapan. Bukanlah ini bererti yang al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs itu adalah seorang guru yang melarang anak-anak murid beliau daripada mengikuti mana-mana mazhab. Yang dilarang oleh al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs ialah sikap fanatisisme di dalam hal bermazhab.

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

### Tulisan-Tulisan Mengenai Tafsir al-Quran

(1) Al-Fuyūḍāt ar-Rabbāniyyah Fī Tafsīr Ba‘ḍ al-Āyāt al-Qurāniyyah. Kitab ini telah diterbitkan oleh asy-Syaikh Ṣāliḥ al-Ja‘farī. Di dalamnya telah dimuatkan beberapa penerangan (asy-syarḥ) oleh al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs mengenai beberapa kandungan al-Quran. Di antaranya ialah penerangan mengenai Sūrah al-Fātiḥah, beberapa ayat dari Sūrah al-Baqarah, Sūrah aḍ-Ḍuḥā, Sūrah al-Mā‘ūn, dan juga beberapa ayat lain yang terpisah.

Menurut asy-Syaikh Ṣāliḥ al-Ja‘farī, beliau telah menerima manuskrip asal daripada as-Saiyid Muḥammad Idrīs ibn as-Saiyid Muḥammad asy-Syarīf ibn as-Saiyid ‘Abdul ‘Āl ibn asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs, yang telah menerima pula daripada as-Saiyid al-Ḥasan ibn as-Saiyid ‘Alī ibn as-Saiyid Muḥammad ibn al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs.

(2) Tafsīr al-Basmalah. Komentari al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs di atas kalimat “Bismillāhir raḥmānir raḥim”.

(3) Tafsīr Innal Muslimīna wal-Muslimāt dan Tafsīr Wadh-dhākīrīnallāh Kathīran wadh-dhākīrāt. Dua versi tafsir ini berasal dari tafsir al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs secara zahir (yakni mengikut jalan bahasa) dan secara al-isyāri (dari segi isyarat) ke atas ayat ke-35 dari Sūrah al-Aḥzāb.

(4) Tafsīr Sūrah al-Kauthar. Salinan ini terdapat di kalangan para keturunan asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs di al-Uqṣūr (Luxor di dalam Bahasa Inggeris).

(5) Tafsīr Sūrah at-Tīn. Ia dikenali juga sebagai al-‘Izz al-Maṣūn Bisyarḥ at-Tīn waz-Zaitūn. Dan ia adalah tulisan hasil riwayat daripada asy-Syaikh al-Ḥasan ibn Aḥmad ‘Ākisy. Mengikut tafsir ini, pohon at-Tīn adalah pohon yang telah dilarang Nabi Ādam ‘alaihissalām oleh Allāh daripada mendekatinya.

### Tulisan-Tulisan Mengenai Ilmu Hadis

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

(1) Syarḥ Hadīth as-Sunnah al-Muḥammadiyah. Ini adalah komentar al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs mengenai sebuah hadis yang telah diriwayatkan melalui al-Imām ‘Alī ibn Abū Ṭālib, karramallāhu wajhah, yang bermafhum, “Al-Ma‘rifah adalah kepala hartaku (yakni adalah modalku).”

Tulisan ini telah diimlakkan oleh al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs ketika beliau berada di Yemen kepada seorang anak murid beliau yang bernama asy-Syaikh ‘Abdul Karīm ibn Ḥusain al-‘Utumī pada tahun 1244 Hijrah. Ia telah disalin semula oleh seorang keturunan al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs yang bernama as-Saiyid Muḥammad ibn as-Saiyid ‘Alī ibn as-Saiyid Muḥammad ibn al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs, pada 2 haribulan Muharam tahun 1320 Hijrah, yang bersamaan dengan 11 haribulan April tahun 1902 Masihi.

(2) Rūḥ as-Sunnah. Ini adalah sebuah tulisan yang mengandungi beberapa hadis Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam, yang terpilih.

---

### Nota (1)

Yang dimaksudkan dengan Lailā di sini ialah zat Allāh Ta‘ālā. Para guru sufi silam seringkali menggunakan kata-kata simbolik untuk menceritakan tentang rasa cinta dan rasa rindu si sālik terhadap Allāh Ta‘ālā. Orang-orang awam yang tidak faham tentang penggunaan kata-kata simbolik ini pula, akan menganggap Lailā sebagai seorang wanita biasa kerana mereka telah mengambil maksud yang zahir sahaja.

Kisah Lailā dan Majnūn adalah termasuk ke dalam golongan kisah-kisah khas yang telah digunakan oleh guru-guru sufi silam untuk menceritakan tentang beberapa perkara yang dialami oleh si sālik di dalam mencintai Allāh Ta‘ālā, yakni melalui penggunaan kata-kata simbolik dan kisah-kisah yang berbentuk kiasan atau alegori.

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

Dan tentang melihat Allāh Ta‘ālā itu pula, sudah tentu melihat itu bukanlah dengan mata kepala. Yakni, yang dimaksudkan dengan melihat Allāh Ta‘ālā ialah melihat dengan mata hati (‘ain al-qalb dan penglihatan menggunakan mata hati ini dikenali sebagai baṣīrah) dan yang dilihat itu bukanlah zat Allāh Ta‘ālā, cuma tajalliyāt daripada zat Allāh Ta‘ālā sahaja.



Gambar Masjid an-Nabawī di waktu malam